



## Sheikh Awab berazam terus majukan MSM Malaysia

02 Mac 2016 1:31 AM

Like 0 Share 0 Tweet 0 Google+ 0



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah (kiri) menyampaikan anugerah kepada Sheikh Awab Sheikh Abod sempena majlis Utusan Business Awards 2015 di Kuala Lumpur, semalam.

### KUALA LUMPUR 1 Mac - Penerima Anugerah Personaliti Terbaik, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM), Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod

berazam untuk bekerja dengan lebih gigih bagi memajukan syarikat terutama di peringkat global.

Beliau berkata, anugerah tersebut memberi satu rangsangan kepadanya dan rakan-rakan lain untuk sama-sama membantu meningkatkan ekonomi Malaysia ke tahap yang membanggakan.

“Dalam masa sama, saya juga melihat anugerah ini sewajarnya diteruskan kerana ia menyediakan satu platform yang bagus kepada ketua pegawai eksekutif atau syarikat untuk berkembang dengan lebih luas terutama di peringkat antarabangsa,” katanya selepas majlis Utusan Business Awards 2015 di sini hari ini.

MSM, merupakan entiti di bawah Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), yang juga anak syarikat milik Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda).

Minggu lalu, pejabat cawangannya di Dubai dilancarkan secara rasmi walaupun mula beroperasi sejak awal tahun ini yang akan bertanggungjawab untuk pembelian dan

pembekalan gula mentah dan gula bertapis bagi keperluan Kumpulan MSM.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, MSM mencatat keuntungan sebelum cukai mencecah rekod RM378 juta bagi tempoh itu berbanding RM344 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Hasil perolehan pula meningkat sebanyak 5.7 peratus kepada RM663.97 juta berbanding RM628.07 juta pada suku keempat tahun kewangan sebelumnya.

Sheikh Awab berkata, kumpulan menjangkakan dapat mencatat keuntungan lebih baik tahun ini sekiranya dolar Amerika Syarikat (AS) mula stabil memandangkan 80 peratus daripada pembayaran melibatkan mata wang tersebut.

“Kita berharap ekonomi Malaysia akan bertambah kukuh dan pada masa sama, kita mengharapkan dolar AS juga kembali stabil,” katanya.

Menyentuh sedikit tentang latar belakang beliau, Sheikh Awab mempunyai pengalaman selama 25 tahun dalam sektor perbankan komersial dan pelaburan serta pernah menjadi Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian International Merchant Bank pada 2003 hingga 2004.

Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Affin Investment Bank pada 2005 hingga 2007 dan menjadi Pengerusi PECD Bhd. mulai 2007 hingga 2010.